

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar hutang seseorang yang boleh diisytiharkan muflis daripada kadar sekarang kepada kadar yang baru.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menaikkan kadar hutang seseorang yang boleh diisytiharkan muflis daripada kadar sekarang kepada kadar yang baru. Perbandingan antara negara-negara seperti Australia, New Zealand, United Kingdom, Singapura dan Thailand menunjukkan Malaysia merupakan negara yang paling tinggi kadar hutang kebangkrapan (*bankruptcy threshold*) iaitu pada kadar RM30,000.
2. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), purata saiz pembiayaan peribadi yang diambil oleh golongan berpendapatan rendah ialah sekitar RM30,000. Sekiranya kadar hutang kebangkrapan (*bankruptcy threshold*) dinaikkan kepada satu kadar yang lebih tinggi, pihak pemberi pinjaman terutamanya institusi perbankan dan kewangan akan menghadapi kesukaran untuk menguatkuasakan perintah apabila berlaku kegagalan pembayaran pinjaman. Ini dikhuatiri akan mengundang kepada perubahan polisi institusi perbankan dan kewangan yang mungkin akan memperketat syarat pemberian pinjaman bagi mengurangkan risiko perniagaan.
3. Kenaikan kadar hutang kebangkrapan (*bankruptcy threshold*) bukanlah faktor penentu kenaikan atau penurunan jumlah kes yang didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia saban tahun. Kenaikan atau penurunan jumlah kes kebangkrapan sebaliknya bergantung pada keupayaan kewangan penghutang dalam menjelaskan hutangnya.

Sekian, terima kasih.